

Kerangka Konsep Keluarga Malaysia dalam Mencapai Kesejahteraan

(Malaysian Family Concept Framework in Achieving Well-Being)

Abdul Rashid Abdul Aziz^{1*} , Muhammad Khairi Mahyuddin², Muhammad Nubli Abdul Wahab³, Husin Sungkar⁴, Nurun Najihah Musa⁵, Nur A'in Mustafar⁶

¹Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: rashid@usim.edu.my

²Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: muhdkhairi@usim.edu.my

³Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pahang, Malaysia.

Email: nubli@ump.edu.my

⁴Fakultas Tarbiyah, STIQ, Amuntai, Indonesia.

Email: hafizhihusinsungkar@gmail.com

⁵Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: nurunmusa98@gmail.com

⁶Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: ainmustafar98@gmail.com

ABSTRAK

Dalam era globalisasi ini, dapat dilihat terdapat peningkatan kes dalam isu-isu membabitkan masalah institusi kekeluargaan di Malaysia. Hal ini dapat dilihat dalam kes perceraian, keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak di Malaysia yang merekodkan peningkatan yang luar biasa pada tahun 2020. Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaporkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia pada tahun 2019 masih kekal pada tahap sederhana iaitu 7.72. Terdapat pelbagai aspek yang perlu dikaji dalam pengurusan konflik rumah tangga bagi mencapai kesejahteraan keluarga sejajar dengan matlamat konsep keluarga Malaysia. Justeru, penulisan kertas konsep (*conceptual paper*) ini memberi tumpuan kepada kerangka konsep keluarga Malaysia sebagai satu kaedah mengatasi konflik rumah tangga. Metod kajian ini adalah berdasarkan kajian kualitatif melalui reka bentuk kertas kerja konsep (*concept paper*) dengan penggunaan teknik analisis konsep. Dapatkan kajian mendapati bahawa terdapat tiga konsep utama dalam keluarga Malaysia iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran yang boleh diaplikasikan dalam sesebuah keluarga bagi mengatasi dan mencegah konflik yang berlaku. Kesejahteraan keluarga amatlah penting dalam menggapai kesejahteraan kendiri setiap diri

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Abdul Rashid Abdul Aziz
(rashid@usim.edu.my)

KATA KUNCI:

Keluarga Malaysia
Pengurusan konflik
Kesejahteraan keluarga

KEYWORDS:

Malaysian Family
Conflict Management
Family well-being

CITATION:

Abdul Rashid Abdul Aziz et al. (2023). Kerangka Konsep Keluarga Malaysia dalam Mencapai Kesejahteraan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), e002196.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2196>

ahlinya dalam merealisasikan proses pembangunan negara. Oleh itu, kajian ini amatlah penting sebagai garis panduan kepada badan bertanggungjawab di Malaysia dalam memacu dan melahirkan keluarga sejahtera.

ABSTRACT

In this era of globalization, it can be seen that there is an increase cases in issues involving family institution problems in Malaysia. This can be seen in cases of divorce, domestic violence and child abuse in Malaysia which recorded an extraordinary increase in 2020. The National Population and Family Development Board (LPPKN) has reported that the Malaysian Family Well-Being Index in 2019 remains at a moderate level which is 7.72. There are various aspects that need to be explored in the management of family conflict in order to achieve family well-being in line with the goals of the Malaysian family concept. Therefore, this article was done to explore the challenges and management of the family crisis based on the concept of the Malaysian family to achieve well-being. This research method is based on a qualitative study using the design of a concept paper with the use of concept analysis techniques. The findings of the study found that there are three main concepts in the Malaysian family, namely inclusion, togetherness and gratitude that can be applied in a family to overcome and prevent conflicts that occur. The well-being of the family is very important in achieving the well-being of each of its members in realizing the process of national development. Therefore, this study is very important as a guideline to the responsible body in Malaysia in driving and producing a prosperous family.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini telah menyumbang kepada kuperasan berkaitan cabaran dan pengurusan krisis rumah tangga berasaskan konsep keluarga Malaysia bagi mencapai kesejahteraan. Terdapat tiga konsep utama dalam keluarga Malaysia iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran yang boleh diaplikasikan dalam sesebuah keluarga bagi mengatasi dan mencegah konflik yang berlaku.

1. Pengenalan

Keluarga bahagia merupakan matlamat utama dalam sesebuah perkahwinan. Tidak kira apa jua latar belakang individu, agama, bangsa dan status, setiap daripada individu pasti menginginkan kebahagiaan. Keluarga yang bahagia akan melahirkan generasi yang hebat kerana kehebatan masyarakat dan negara adalah berasaskan kehebatan institusi keluarga ([Faiezah, Raihanah & Bahiyah, 2020](#)). Berdasarkan tafsiran dari Surah al-Rum ayat 21 di dalam al-Quran, perkahwinan dibina bertujuan untuk menikmati ketenangan, kasih sayang dan rahmah dalam rumah tangga. Namun, dalam melayari bahtera rumah tangga, pasangan suami dan isteri sudah pasti berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk mencapai matlamat perkahwinan bagi mengekalkan keharmonian dalam rumah tangga. Konflik atau krisis merupakan antara cabaran dalam perkahwinan yang sukar dielakkan ([Hafizah et al., 2017](#); [Nur Anis & Nurbazla, 2019](#)).

Menurut [Suhaila \(2022\)](#) keluarga sakinah akan tercapai jika wujudnya bangsa dan negara yang harmoni, makmur dan aman damai. Dalam membentuk keluarga sejahtera sangat berkait rapat dengan konsep sakinah, mawaddah dan rahmah ([Dwi Runjani, 2017](#)). Kajian membuktikan bahawa wujudnya unsur sakinah sekiranya pasangan menghadapi konflik mereka segera menyelesaiannya dan ada perasaan tenang apabila bersama keluarga. Perasaan sakinah perlu dipupuk dan diusahakan dengan bersungguh-sungguh untuk membentuk keluarga sejahtera. Pembentukan modal insan berkualiti bermula dari institusi keluarga sehingga mereka mampu memberi sumbangan kepada negara ([Abdullah, 2014; Falah, 2018](#)). Menurut [Khairul \(2022\)](#), aspirasi Keluarga Malaysia menuntut kepada pembentukan keluarga sejahtera. Setiap individu dapat menikmati kehidupan yang harmoni dan aman dengan jaminan kesejahteraan berterusan dalam semangat Keluarga Malaysia. Sejahtera bermaksud suatu keadaan tenteram, senang, aman dan makmur serta terpelihara daripada bencana (gangguan, kesusahan dan lain-lain). Sejahtera juga merujuk kepada kegiatan menyelamatkan, mengamankan, mensejahterakan dan menjadi sejahtera ([Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017](#)). Mendefinisikan konsep kesejahteraan itu sendiri menjadi sukar kerana mempunyai banyak dimensi ([Wan Ahmad et al., 2009](#)). Hal ini dilihat terdapat definisi berbeza dalam penulisan para sarjana Islam dan Barat apabila menyentuh soal kebahagiaan atau kesejahteraan ([Sharmani & Minggal, 2011](#)). Menurut [Faezah et al. \(2020\)](#) mendapati bahawa untuk memantapkan kesejahteraan rumah tangga adalah dengan cara mengekal, membentuk dan memperkayakan hubungan antara suami isteri secara langsung. Hal ini akan memberi kesan yang positif kepada kualiti perkahwinan dan membentuk keluarga sejahtera.

Konsep ‘Keluarga Malaysia’ telah menjadi sebutan apabila ia diperkenalkan oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 22 Ogos 2021 dan ia dianggap sebagai satu simbol kebersamaan yang inklusif ([Bernama, 2021](#)) dalam menghadapi konflik rumah tangga. ‘Keluarga Malaysia’ jelas menunjukkan kepentingan institusi keluarga dalam menghadapi situasi yang mencabar masa kini seperti pasca pandemik COVID-19 dan era Revolusi Industri 5.0. Penutupan sempadan negara, kepadatan penduduk dan masalah kewangan negara dalam mengurus penularan wabak COVID-19 telah mengganggu gugat sistem perkhidmatan di sesebuah negara ([Yu et al., 2021](#)) dan seterusnya mengubah corak kehidupan keluarga. Bersandarkan konsep ‘Keluarga Malaysia’ ini, negara akan dipacu untuk keluar daripada konflik kesihatan terutamanya dalam aspek kesihatan mental, seterusnya menjamin kesejahteraan setiap penduduk di negara bertuah ini. Oleh itu, objektif kertas konsep ini adalah untuk melihat peranan dari konsep keluarga Malaysia dalam membantu pengurusan konflik rumah tangga.

Di dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan, terdapat pelbagai terapi dan teori yang membincangkan aspek keluarga, termasuklah isu-isu dan konflik serta langkah penyelesaiannya. Antara teori dan terapi yang selalu digunakan ialah teori sistem, teori keluarga bahagia, teori keluarga Islam, teori pengurusan konflik, terapi keluarga sejahtera, dan terapi pengurusan konflik. Konflik rumah tangga sering terjadi dalam pasangan berkahwin yang sudah lama wujud dalam masyarakat. Menurut [Hairi dan Raihanah \(2014\)](#) mengatakan bahawa konflik dalam rumah tangga sering menyebabkan perceraian kerana pengabaian tanggungjawab, penganiayaan dan penderaan kepada pasangan. Tekanan yang wujud daripada konflik ini perlu diuruskan dengan baik agar tidak menganggu kualiti hidup ([Abdul Rashid, 2020](#)). Konflik rumah tangga sering diselesaikan dengan perceraian namun ia tidak digalakkan dan merupakan langkah terakhir untuk menyelesaikan konflik rumah tangga sekiranya semua langkah

penyelesaian gagal dilaksanakan. Kertas konsep ini dibuat bagi mengupas cabaran dan pengurusan krisis rumah tangga berasaskan konsep keluarga Malaysia bagi mencapai kesejahteraan.

1.1. Cabaran Institusi Keluarga

Institusi kekeluargaan di Malaysia sedang menghadapi pelbagai perubahan, cabaran, krisis dan dilema. Dari aspek kefungsian dan peranan institusi ini, ia bertanggungjawab kepada pembentukan manusia, mencorakkan perkembangan dan kesejahteraan masyarakat, menghasilkan sumber manusia, mencorakkan perkembangan gender, membangunkan potensi individu, memberikan pendidikan tidak formal, memainkan peranan pembesaran, melindungi dan mensosialisasikan peranan orang dewasa. Di samping fungsi dan peranan positif institusi kekeluargaan, ia juga boleh menimbulkan banyak masalah kritikal kepada masyarakat dan negara seperti meningkatnya jenayah dalam keluarga, perceraian dan poligami, ketidakadilan sosial, kemiskinan dan kemunduran serta meningkatnya gejala sosial dalam kalangan remaja ([Zanariah et al, 2018](#)).

Cabaran yang berlaku ini adalah berkait dengan perubahan dan pengaruh pada era Revolusi Industri 4.0. Revolusi pengetahuan, perkembangan teknologi maklumat, kemajuan bioteknologi, globalisasi, liberalisasi, demokrasi dan perkembangan pelbagai ideologi baru memberi kesan serta cabaran secara langsung atau tidak langsung kepada institusi kekeluargaan. Situasi kini juga diburukkan lagi dengan kehadiran pandemik COVID-19 yang kian menular ini. Sesungguhnya, penularan virus pembunuh ini telah mengubah cara hidup kebanyakan masyarakat di Malaysia termasuk dari aspek membeli-belah, pendidikan, ekonomi dan cara mengakses kepada perkhidmatan sedia ada. Ia secara tidak langsung dapat mengganggu gugat kelancaran dan kesejahteraan hidup masyarakat.

Ibu bapa pada hari ini memainkan peranan yang besar dalam memantau perkembangan anak-anak mereka dalam menggunakan teknologi. Perkembangan teknologi ICT bukan sahaja mempunyai kebaikan dan manfaat kepada manusia akan tetapi mempunyai kesan negatif juga dalam masyarakat termasuk dalam keluarga. Anak-anak lebih berisiko dalam hal keselamatan dan perlindungan. Oleh itu, pemantauan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan teknologi adalah amat penting. Ibu bapa perlu memfokuskan diri dan melibatkan diri dalam dunia teknologi ([Nurhamizah & Asbah Razali, 2019](#)). Keterujaan anak-anak dalam menggunakan teknologi mendorong kepada penyebaran maklumat peribadi dan keselamatan keluarga. Oleh itu, ibu bapa perlu mempunyai kesabaran yang tinggi dalam memantau media sosial anak-anak. Ibu bapa harus tahu bagaimana mendidik anak-anak dan keluarga dari mengawal penyebaran maklumat dalaman yang bakal membuka ruang jenayah yang terancang. Bapa sebagai ketua keluarga harus memasang kata kunci agar segala maklumat peribadi yang penting tidak mudah jatuh ke tangan pihak tidak bertanggungjawab.

Selain itu, cabaran institusi keluarga bagi masyarakat di negara maju pada hari ini menganggap memiliki anak melalui pernikahan adalah tidak penting. Namun, menurut [Macionis \(1999\)](#) dalam kajian [Rahmat \(2006\)](#), sebuah keluarga boleh diwujudkan tanpa perkahwinan. Malahan, mereka juga percaya bahawa keluarga itu tidak perlu wujud dalam bentuk tradisional di mana pasangan yang sah mempunyai anak. Akan tetapi, bersekedudukan seseorang boleh membentuk keluarga, sebagai contoh di United Kingdom, kohabitasi dianggap sebagai satu amalan biasa.

Meskipun begitu, bagi pasangan yang mempunyai anak, kepincangan akhlak dalam kalangan anak-anak seperti kurang menghormati ibu bapa, guru, orang tua dan pemimpin merupakan cabaran dalam rumah tangga. Perkara ini juga menimbulkan masalah dalam kehidupan anak-anak, seperti lemah dalam penguasaan akademik, penyalahgunaan dadah dan aktiviti jenayah yang lain (Rozmi et al., 2017). Masalah yang berlaku dalam sebuah keluarga berpunca daripada ketidakfahaman ibu bapa mengenai peranan masing-masing. Keretakan hubungan kekeluargaan menjadi punca utama bagi masalah sosial yang menyumbang kepada konflik dan ketegangan dalam sebuah keluarga. Terdapat banyak pengabaian anak-anak dalam sebuah institusi keluarga merujuk kepada aspek keadaan tempat tinggal, jenis pekerjaan, tahap pendidikan dan tahap pengaruh media. Malah, struktur keluarga juga menjadi penyumbang utama kepada masalah sosial keluarga pada masa kini (Rozmi et al., 2017).

Pasangan yang mempunyai anak dalam tempoh 1-3 tahun perkahwinan berisiko tinggi untuk bercerai (Roslelawati & Nordin, 2014). Mereka ini tidak dapat menghadapi cabaran perkahwinan dan gagal menyelesaikan masalah rumah tangga seperti masalah kewangan, penjagaan dan kesihatan anak-anak. Selain itu, campur tangan ibu bapa dan saudara mara menambahkan lagi kerumitan cabaran yang dihadapi pasangan yang baru berkahwin untuk terus menyesuaikan diri dengan alam perkahwinan.

Seterusnya, arus pemodenan yang berlaku meningkatkan kos sara hidup yang mana mempunyai sumber pendapatan yang kukuh adalah penting untuk memenuhi keperluan keluarga. Ini meningkatkan bilangan isteri bekerja untuk meringankan beban suami. Taraf pendidikan yang semakin baik diterima oleh wanita membolehkan mereka mencari pekerjaan atau mendapat jawatan (Surena, 2012). Apabila dalam keluarga kedua-dua ibu bapa bekerja, mereka semakin berkurang meluangkan masa bersama anak-anak. Ini menyebabkan anak-anak kurang mendapat kasih sayang. Ini kerana keluarga yang mempunyai kualiti yang baik seperti memberi kasih sayang yang secukupnya dapat mengurangkan masalah perlakuan anak-anak (Habibie et al., 2018). Anak-anak memerlukan kasih sayang untuk mewujudkan rasa yang anak-anak ini dilindungi dan disokong oleh keluarga mereka untuk mengelakkan berlakunya perkembangan masalah anak-anak sama ada dari luar atau dari dalam.


1.2. Pengurusan Konflik Rumah tangga

Konflik boleh didefinisikan sebagai situasi di mana hubungan, komunikasi, sikap dan nilai serta reaksi pasangan bercanggahan antara satu sama lain. Konflik adalah normal tetapi hanya pengurusan konflik yang akan menjadikan konflik itu sesuatu yang positif atau sebaliknya (Rumaya, Hanina, & Sa'odah, 2013). Faktor dalaman keluarga sering dikaitkan dengan konflik rumah tangga seperti pengagihan tugas, penjagaan anak terutama anak kecil, dan saiz keluarga di samping faktor masa dan pekerjaan juga telah menyebabkan kepelbagai peranan yang akhirnya membawa kepada konflik rumah tangga (Saodah, 2002).

Di dalam membincangkan aspek pengurusan krisis dalam rumah tangga ini, kajian yang dijalankan oleh Rahim (1983) telah mengemukakan dua dimensi pengurusan konflik iaitu keprihatinan terhadap diri sendiri dan keprihatinan terhadap orang lain. Dimensi pertama menerangkan darjah (tinggi atau rendah) seseorang individu cuba memuaskan diri mereka, manakala dimensi kedua menerangkan darjah seseorang individu cuba untuk memuaskan keperluan dan perasaan orang lain. Dalam kajian Haliza et al. (2012)

pula, pengurusan konflik dalam rumah tangga boleh dilakukan dengan tiga peringkat iaitu; peringkat pertama melibatkan pengurusan yang berbentuk pencegahan iaitu usaha yang diambil sebelum berlakunya konflik dalam rumah tangga ([Rajah 1](#)). Peringkat ini ditumpukan terhadap aspek pengajaran dan pendidikan serta memberi panduan kepada pasangan. Peringkat kedua pula memberi fokus terhadap usaha memperbaiki keadaan rumah tangga yang sudah mula goyah melalui cara memberi nasihat dan peringatan terhadap hak-hak dan tanggungjawab suami isteri yang mungkin diabaikan. Pihak yang terlibat dalam peringkat ini dibahagikan pada dua bentuk iaitu diselesaikan di peringkat suami isteri sahaja atau penyelesaian yang melibatkan bantuan orang tengah seperti kaunselor, pegawai suluhan, ahli keluarga yang dipercayai dan seumpamanya. Manakala, peringkat ketiga adalah melibatkan perceraian sebagai jalan terakhir setelah pelbagai ikhtiar gagal untuk mengurus konflik. Perceraian sebaiknya dielakkan kerana ia hanya memberi kesan-kesan terhadap psikologi isteri dan anak-anak serta boleh menjadi punca kepada berleluasanya gejala sosial dalam masyarakat.

Rajah 1: Pengurusan Konflik dalam Rumah Tangga oleh [Haliza et al. \(2012\)](#)



Konflik rumah tangga yang ditangani dengan baik bukan sahaja dapat memberi kesan positif antara pasangan, malah ia dapat mengeratkan hubungan yang kuat antara suami isteri ([Bammeke & Eshiet, 2018](#)). Pasangan juga perlu bijak memilih pendekatan yang sesuai bagi mengenal pasti konflik yang berlaku dalam rumah tangga. Justeru itu, antara usaha yang boleh dilaksanakan bagi menangani suatu konflik dalam rumah tangga ialah melalui perbincangan antara suami isteri. Selain itu, pasangan yang mempunyai komunikasi yang baik dapat mengurangkan tekanan, di samping dapat meningkatkan keharmonian dalam hubungan ([Ledermann et al., 2010](#)). Menurut [Luthfi, \(2017\)](#) menyatakan bahawa komunikasi interpersonal dapat memberi ruang yang baik antara pasangan berbincang dan berkongsi pendapat dalam menguruskan konflik. Komunikasi yang berkesan dalam suatu perkahwinan menjadi landasan bagi perkongsian pendapat dan luahan perasaan antara pasangan. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa hubungan antara pasangan boleh menjadi renggang sekiranya komunikasi tidak wujud dan pasangan tidak memahami pandangan antara satu sama lain ([Hasim et al., 2015](#)). Menurut [Cherni \(2013\)](#) menyatakan komunikasi yang tidak baik akan menyebabkan salah faham serta mengundang pelbagai krisis rumah tangga. Pertuturan yang baik akan mempengaruhi suatu pengurusan krisis rumah tangga seperti kata-kata manis dan

pujuk rayu ([Aini et al., 2019](#)). Hubungan kasih sayang antara suami isteri dapat dizahirkan melalui perbuatan dan perkataan yang menggembirakan kedua-duanya ([Hariyati, 2013](#)).

Seterusnya, antara usaha dalam pengurusan krisis rumah tangga ialah sikap toleransi antara pasangan iaitu suami menggalas kerja rumah tangga terutamanya isteri keluar bekerja ([Adam et al., 2013](#)). Suami juga perlu melayani isteri dengan lemah lembut serta memberi didikan agama dan nasihat kepada isteri dengan baik ([Jasmi, Muhammad & Mohamed, 2006](#)). Sikap pasangan suami isteri yang saling hormat menghormati dan memainkan tugas dan peranan masing-masing membantu dalam mengukuhkan institusi rumah tangga ([Faezah et al., 2020](#)). Menurut [Siti Chadijah, \(2018\)](#) kasih sayang antara suami isteri dapat menghasilkan keluarga yang sakinah. Selain itu, perasaan cinta dan kasih sayang dapat mewujudkan ketenteraman jiwa antara suami dan isteri. Elemen kasih sayang menjadi teras dalam kesejahteraan keluarga ([Faezah et al., 2020](#)). Pasangan rumah tangga perlu mempunyai strategi dan pelaksanaan dalam menguruskan konflik yang berlaku seperti mendapatkan khidmat kaunseling ([Nur Anis & Nurbazla., 2019](#)).

Menurut [Ries \(2005\)](#), dalam mengurus konflik tidak menggunakan satu gaya strategi sahaja. Terdapat lima jenis gaya pengurusan konflik merujuk kepada gaya pengurusan konflik Ting-Toomey ([Griffin, 2012](#)). Menurut [Nurazlina et al., \(2017\)](#) menyatakan perbandingan antara budaya konteks tinggi dan budaya konteks rendah iaitu gaya mengelak, obligasi, kompromi dalam budaya konteks tinggi manakala dominasi dan integrasi dalam budaya konteks rendah. Kajian [Dildar, Sitwat dan Yasin \(2013\)](#), mendapati kebanyakan pasangan mengaplikasikan gaya mengelak yang mana memberi kesan buruk dalam perkahwinan. Gaya mengelak bertujuan untuk menghindari daripada berlaku percaduhan dan salah faham dalam perhubungan ([Nurazlina et al., 2017](#)). [Salmah \(2006\)](#) mendapati wujud hubungan gaya obligasi dengan personaliti *judging* dan gaya dominasi dengan personaliti *perceiving* yang mana tahap signifikan .05.

2. Sorotan Literatur

Kajian lepas berhubung aspek konsep keluarga Malaysia masih tiada dijalankan disebabkan ia merupakan konsep yang agak baru diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri. Kebanyakan tinjauan kajian lepas yang dijalankan hanya tertumpu kepada satu aspek tertentu dalam kesejahteraan keluarga sahaja. Hal ini dapat dilihat dalam kajian yang dijalankan oleh [Jamiah et. al \(2018\)](#) yang hanya menekankan kepentingan komunikasi untuk menyatakan keperluan, kehendak, keprihatinan dan kasih sayang yang merupakan asas dalam hidup berkeluarga. Selain itu, [Syahran \(2014\)](#) pula menekankan aspek pendidikan anak-anak dan peranan keluarga dalam melahirkan generasi yang cerdas dan berakhhlak mulia. Malah, kebanyakan kajian berkaitan kesejahteraan juga hanya melihat kesejahteraan dari aspek kendiri sahaja tanpa mengkaji kesejahteraan itu dari aspek kekeluargaan ([Bedi, 2019; Nanum & Endah, 2018; Yaribeygi et al., 2017; Rashidi, 2014](#)). Terdapat kajian-kajian terdahulu juga yang hanya membincangkan kesejahteraan keluarga berdasarkan kupasan hadis-hadis tertentu.

Terdapat beberapa teori sedia ada yang mempelopori bidang kaunseling keluarga dan perkahwinan namun tiada yang membincangkan dan menjelaskan teori kebahagiaan keluarga secara holistik. Ini dapat dilihat daripada teori keluarga yang sedia ada seperti teori sistem keluarga Bowen. Teori ini secara umumnya menekankan berkaitan aspek emosi ahli keluarga ([Kerr, 1981](#)). Teori ini menghuraikan bagaimana pengalaman dalam

keluarga asal akan mempengaruhi seseorang dalam pergaulan dan perhubungan dengan orang lain. Manakala teori keluarga struktural pula menekankan kepentingan struktur keluarga. Teori ini lebih menumpukan kepada batasan dalam keluarga ([Minuchin, 1974](#)). Dari segi model pula, terdapat model kesejahteraan holistik yang telah dibina. Namun, model tersebut lebih menumpukan kepada aspek kesejahteraan dalam pengajaran, pembelajaran, pendidik dan komuniti sejagat. Bahkan, menurut [Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia \(2019\)](#), pengkajian terhadap konteks pasangan dan keluarga di Malaysia masih tidak menyeluruh dan kurang diberikan tumpuan.

Hakikatnya tiada satu model kesejahteraan holistik yang membincangkan berkenaan pengurusan konflik rumah tangga di Malaysia. Kajian lain yang membincangkan aspek pembentukan keluarga sejahtera hanya tertumpu pandangan dan kupasan dari ilmuwan tersohor Islam seperti kajian yang dijalankan oleh [Zaiton dan Roslan \(2019\)](#) yang mengupas peranan keluarga Muslim dalam membina masyarakat sejahtera berdasarkan pemikiran Ibn Sina. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh [Nur Zahidah dan Raihanah \(2011\)](#) yang membincangkan aspek kesejahteraan keluarga berdasarkan kupasan menurut al-Farabi, al-Ghazali dan Ibn Maskawayh. Justeru, dapat dilihat bahawa kajian berkaitan pembinaan model psikologi kesejahteraan keluarga holistik dalam berhadapan krisis rumah tangga untuk pengukuhan institusi keluarga di Malaysia dilihat amat kritikal dan ianya masih lagi kurang dan terhad. Oleh yang demikian, pembinaan model sebegini amatlah penting bagi memahami konsep kesejahteraan dengan lebih jelas dan menyeluruh dalam mencetuskan kehidupan rumah tangga yang seimbang dari aspek dalaman dan luarannya.

Dapatkan kajian [Yong et al., \(2018\)](#), sektor ekonomi dan sosial telah banyak berubah dalam fungsi kekeluargaan. Institusi keluarga yang dahulunya merupakan tempat awal anak-anak mempelajari peranannya dalam masyarakat, namun pada hari ini agen sosialisasi iaitu ibu bapa dan guru turut sama menggalas peranan ini. Menerusi [Rozmi et al. \(2017\)](#) belum ada penyelesaian yang sesuai bagi memindahkan peranan ibu bapa kepada orang lain. Justeru keadaan ini menyebabkan masalah menjadi semakin serius. Manakala, [Fadillah \(2016\)](#) mendapati bahawa konflik berlaku disebabkan oleh pasangan mempunyai sifat ego yang keterlaluan, membiarkan pasangan tanpa berusaha untuk memujuk dan gagal mengawal emosi yang mengakibatkan rumah tangga menjadi tidak harmoni dan ahli keluarga menghadapi tekanan ([Nurul Naimah, & Mohd Yusri, 2018](#)). Jika keadaan ini berlaku tanpa diselesaikan dengan baik akan memberi kesan kepada rumah tangga. Malah dalam membuat keputusan, pasangan lebih memilih untuk mengelak daripada menyelesaikan masalah rumah tangga. Disebabkan itu, ada pasangan membuat keputusan untuk bercerai kerana bagi mereka bercerai dapat memberi peluang baharu untuk kehidupan yang lebih baik. Maka bagi mengelakkan berlakunya masalah yang lebih serius dalam rumah tangga semestinya pasangan memerlukan bimbingan bagi mengurus konflik ([Faiezah et al., 2020](#)).

Kajian [Nadiyah et al. \(2021\)](#) mengklasifikasikan penderaan terhadap anak-anak dalam kes keganasan rumah tangga merupakan ancaman kepada institusi keluarga. Ini berlaku akibat gangguan emosi yang dialami oleh ibu bapa disebabkan tekanan ibu bapa yang tidak dapat mengawal perasaan, bertindak secara impulsif dan melatah kepada anak-anak. Hal ini memberi kesan negatif terhadap anak-anak. Penderaan anak-anak boleh berlaku secara berterusan dari satu generasi kepada generasi seterusnya melalui tingkah laku yang diikuti. Selain itu, ibu bapa yang mengambil alkohol dalam kuantiti yang melebihi turut menyumbang kepada penderaan terhadap anak-anak ([Ardiah et al.,](#)

2009). Gaya yang tidak sihat ini mewujudkan persekitaran yang negatif dalam proses tumbuh besaran anak-anak.

Di samping itu, menurut kajian [Nurfadhilah \(2014\)](#), tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa boleh menyebabkan perceraian dan kerenggangan hubungan kekeluargaan. Keadaan keluarga yang tidak harmoni dan sering bergaduh boleh membawa kepada perceraian. Suami yang tidak melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan tiada pengetahuan dalam pengurusan keluarga boleh menyebabkan keluarga yang porak peranda dan kerap berlaku konflik. Dapatan kajian [Mohamad et al. \(2021\)](#) mendapati seramai 80% daripada wanita yang terlibat dengan perceraian tidak pernah menerima sebarang didikan agama dan pembelajaran ilmu agama sehingga tahun tiga di sekolah-sekolah agama kerajaan Johor. [Noor Syaibah et al. \(2016\)](#) menyatakan masalah komunikasi merupakan punca utama perceraian serta diikuti dengan kecurangan, penderaan emosi dan penghakisan rasa cinta dan kasih sayang. Perceraian menyebabkan penjagaan terhadap anak-anak menjadi lebih sukar. Dalam kajian [Abe et al. \(2014\)](#) terdapat lapan pemboleh ubah yang mempengaruhi suatu perceraian:

- i. Perbezaan cara menyelesaikan masalah antara lelaki dan perempuan kerana sosialisasi yang berbeza
- ii. Ketidakserasan peranan suami isteri
- iii. Harapan yang keterlaluan terhadap peranan isteri atau suami (mengikut tradisi)
- iv. Kebosanan dalam kehidupan perkahwinan
- v. Perubahan-perubahan fungsi perkahwinan dan kekeluargaan
- vi. Peningkatan usaha memenuhi emosi
- vii. Peningkatan sokongan terhadap wanita yang bercerai
- viii. Keperluan hidup yang bertambah

3. Metod Kajian


Dalam kajian ini, kaedah analisis konsep telah diguna pakai bagi mengupas cabaran dan pengurusan krisis rumah tangga berasaskan konsep keluarga Malaysia dalam mencapai kesejahteraan. Pendekatan khusus dalam analisis ini adalah berdasarkan 'pendapat evolusi' (*'evolutionary view'*) yang dicadangkan oleh [Rodgers \(2000\)](#). Proses yang terlibat dalam menganalisis konsep evolusi ini adalah terdiri daripada: (1) mengenal pasti konsep yang ingin dikaji dan istilah penggantinya; (2) mengenal pasti dan memilih metod yang sesuai untuk pengumpulan data; (3) mengumpul data yang berkaitan untuk mengenal pasti sifat-sifat konsep, anteseden dan kesan yang diperoleh daripada konsep; serta (4) analisis data berdasarkan ciri-ciri konsep yang telah dinyatakan ([Rodgers, 2020](#)). Selepas memilih kriteria yang sesuai untuk pengumpulan data, ciri-ciri, anteseden dan akibat konsep telah dikenal pasti mengikut kaedah [Rodgers \(2000\)](#). Data dikumpulkan dengan kaedah dokumentari.

Artikel-artikel yang terpilih tidak terhad pada tarikh mula, dan termasuk penulisan yang diterbitkan sehingga Disember 2022. Pangkalan data seperti *Online Public Access Catalog* (OPAC), Proquest Central dan EBSCO-Host telah digunakan dalam mencari data. Kata kunci untuk carian termasuk keluarga Malaysia, pengurusan konflik & kesejahteraan keluarga, krisis rumah tangga; untuk mencari artikel, penulisan, hadis dan ayat al-Quran atau ulasan buku yang berkaitan dengan kesejahteraan keluarga. Tinjauan setiap artikel, ayat dan riwayat (Hadis) dan ulasan buku yang berkaitan telah dipertimbangkan dalam mengenal pasti unit Semantik dan pengekodan awal. Selepas kajian semula kod utama (a) konsep keterangkuman, (b) konsep kebersamaan, (c) konsep kesyukuran telah dikenal pasti.

4. Hasil Kajian dan Perbincangan

Kerangka konsep keluarga Malaysia dilihat mampu menjadi solusi kepada konflik rumah tangga ([Rajah 2](#)). Hal ini kerana, tiga elemen yang digariskan meliputi aspek kesejahteraan keluarga. Hasil analisis menunjukkan dapatan dari konsep keluarga Malaysia ini membantu dalam pengurusan konflik rumah tangga dan seterusnya mencetuskan kesejahteraan.

Rajah 2: Konsep Keluarga Malaysia dalam Menguruskan Konflik



4.1. Konsep Keterangkuman

Konsep keterangkuman memberi penekanan aspek penyemaian budaya integriti dalam sesebuah keluarga. Konsep ini membawa nilai inklusif yang membawa maksud penerapan nilai secara menyeluruh. Hal ini membawa maksud kepada usaha pengkayaan nilai untuk menyemai budaya integriti dalam sesebuah keluarga. Sehubungan itu, konsep ini bertujuan untuk menjadikan budaya bersikap amanah dalam keluarga, keadilan sebagai tunjang pengukuhan institusi keluarga dan bermusyawarah sebagai amalan keluarga. Selain itu, pemupukan budaya ilmu, menyuburkan budaya komunikasi berhemah dan membina akhlak mulia di kalangan ahli keluarga merupakan elemen yang diterapkan dalam konsep keterangkuman ini. Konsep ini adalah bersifat inklusif merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum yang menjadi titik tolak bahawa Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum dan seluruh rakyat Malaysia perlu bekerjasama dan sama-sama berusaha ke arah kemajuan dan kesejahteraan hidup sebagai sebuah keluarga yang utuh ([Suhaila, 2022](#)). Konsep keterangkuman menyemai dan menerapkan sifat cinta dan kasih merentasi segala aspek. Aspek-aspek tersebut termasuklah agama, keturunan, warna kulit dan sempadan negeri ([Al-Azharri, 2021](#)). Konsep keterangkuman ini juga boleh dikaitkan dengan budaya kolektivism yang mana menekankan aspek kesejahteraan boleh dicapai sekiranya ada kerjasama dari kelompok dan ahli yang mewakili kelompok ([Nezlek & Humphrey, 2021](#)). Dalam konteks ini ahli keluarga dilihat sebagai elemen yang saling berkait dan melengkapi dalam mencapai kesejahteraan. Manakala tiga nilai utama yang ingin disampaikan di bawah

Keterangkuman iaitu menyemai budaya integriti, membina akhlak mulia, dan amanah dalam keluarga.

4.1.1. Menyemai budaya integriti

[Dewan Bahasa dan Pustaka \(1985\)](#) mendefinisikan integriti sebagai kejujuran, ketulusan, kesempurnaan dan keutuhan. Menurut [Noriza \(2020\)](#), integriti adalah sifat jati diri yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketulusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakapnya dan lain-lain. Ini bermaksud integriti adalah nilai-nilai murni yang perlu ada pada setiap individu atau organisasi. Sebagai umat Islam, kembali kepada ajaran Islam dengan mengamalkan nilai-nilai murni dapat menjadikan seseorang itu mempunyai integriti dalam dirinya. Bahkan, integriti yang dimiliki dapat mengelakkan seseorang daripada melakukan perkara-perkara yang buruk. Bukan sahaja agama Islam, tetapi setiap agama di dunia tidak membenarkan penganutnya melakukan sesuatu di luar moral sebagai seorang manusia.

Dalam konsep keluarga pula, integriti yang diterapkan perlu selari dengan kehendak syariat agar memberi kesan yang positif kepada setiap ahlinya. Menurut [Hashim dan Mohamed Saniff \(2019\)](#), terdapat lima peringkat yang harus diberi perhatian oleh seluruh isi keluarga dalam membudaya integriti iaitu memiliki jiwa tauhid, memahami syariat Islam, bersedia menjalankan tanggungjawab, sentiasa memupuk rasa kasih sayang, dan menjadikan diri sebagai contoh dan teladan yang terbaik. Dari sini dapat dilihat bahawa peringkat utama dalam membudaya integriti adalah memiliki tauhid. Tauhid merupakan pokok dalam Islam dan merupakan tunjang kepada akidah, syariah, dan akhlak. Dengan memiliki jiwa tauhid, seseorang itu tidak sekadar percaya dan yakin terhadap pencipta, tetapi keyakinan ini terbukti dalam ibadah, terlihat dalam syariah dan tercerita dalam akhlak [\(Sidek, 2017\)](#). Bahkan individu yang berpegang kepada agama Islam akan melakukan setiap amalan yang membawa kepada redha Allah seperti bercakap benar, tidak menzalimi, dan cintakan keadilan. Oleh itu, ibu bapa yang mempunyai integriti yang tinggi akan menjadi contoh teladan kepada anak-anak seterusnya menjadi asas kepada masyarakat yang berintegriti.

4.1.2. Membina akhlak mulia

Pada zaman serba moden ini, pendidikan moral sangat penting untuk menghadapi kepesatan media sosial. Pendidikan moral yang baik juga dapat melahirkan insan yang bijak dalam mengendalikan teknologi pada masa kini. Di dalam Islam, konsep akhlak ditekankan dalam membentuk anak-anak dengan tingkah laku yang baik. Menurut [Tarmujianto \(2020\)](#), akhlak adalah tingkah laku seseorang yang didorong oleh suatu keinginan secara sedar untuk melakukan sesuatu perbuatan yang baik. Akhlak juga merupakan sesuatu yang melekat pada jiwa yang darinya akan berhasil perbuatan-perbuatan dengan mudah tanpa proses pemikiran, pertimbangan, atau penelitian. Ini bermaksud, jika seseorang bertindak dengan tindakan yang baik mengikut syara' apabila berhadapan dengan sesuatu keadaan, ianya disebut sebagai memiliki akhlak yang baik. Manakala jika perbuatan yang ditunjukkan adalah sebaliknya, ianya disebut sebagai akhlak buruk.

Dalam institusi keluarga, ibu bapa perlu membentuk akhlak Islam dalam diri anak-anak agar dapat diteruskan oleh generasi seterusnya. Sikap dan perbuatan yang ditunjukkan oleh ibu bapa akan memberi bekas dan dorongan sama ada secara positif atau negatif

pada perkembangan akhlak seorang anak dan keturunan seterusnya. Oleh itu, amat penting bagi ibu bapa menunjukkan akhlak yang baik kepada anak-anak sebagai bekalannya pada masa depan. Ini bersesuaian dengan firman Allah dalam surah an-Nisaa ayat 9 yang bermaksud,

“Dan hendaklah takut kepada Allah orang-orang yang seandainya meninggalkan dibelakang mereka anak-anak yang lemah, yang mereka khawatir terhadap (kesejahteraan) mereka. Oleh sebab itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang benar.”

Dari ayat ini dapat dilihat bahawa amat penting untuk ibu bapa menerapkan akhlak yang baik kepada anak-anak agar ianya bukan sahaja memberi kesejahteraan dari aspek fizikal, tetapi juga dari aspek kesihatan mental dan spiritual.

4.1.3. Amanah dalam keluarga

Sifat amanah sering kali ditafsirkan sebagai sifat seseorang yang boleh dipercayai dalam menyampaikan pesan atau benda kepada orang yang sepatutnya. Sifat amanah amat dituntut sama ada amanah kepada Allah atau amanah kepada sesama manusia ([Rudi & Sumiyati, 2021](#)). Amanah kepada Allah bermaksud melakukan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Sebagai contoh, melaksanakan solat, puasa, zakat, dan amalan-amalan lainnya sebagai gambaran amanah kepada-Nya. Manakala sifat amanah sesama manusia pula adalah dengan berbuat baik kepada orang lain. Sebagai contoh, seseorang akan dianggap amanah apabila menyerahkan barang yang dipesan kepada orang yang berhak. Hal ini disebutkan dalam firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 58 yang bermaksud,

“Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu untuk menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya.”

Apabila konsep amanah ini difahami dengan teliti, ianya turut membawa maksud bahawa keluarga juga merupakan satu amanah. Ketua keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk sesebuah keluarga sama ada ke arah kebaikan atau keburukan. Ibu bapa sebagai individu yang paling tua dalam keluarga diamanahkan untuk memastikan ahli keluarga yang lain melaksanakan perintah Allah dengan sempurna. Matlamat dalam mewujudkan keluarga yang sejahtera bukan sahaja bergantung kepada amanah sebagai ibu dan bapa, namun anak-anak juga memainkan peranan dan mempunyai tanggungjawab untuk menjalankan amanah masing-masing dalam keluarga ([Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016](#)). Sifat amanah yang perlu dijalankan oleh anak-anak antaranya adalah mentaati ibu bapa, bertanggungjawab, dan menyayangi adik beradik. Apabila setiap dari ahli keluarga menjalankan amanah masing-masing, keluarga yang dibina akan menjadi bahagia.

4.2. Konsep Kebersamaan

Konsep kebersamaan pula menitikberatkan nilai-nilai seperti bersatu padu, prihatin dan transformasi politik. Nilai-nilai ini membawa kepada pengukuhan rasa kebertanggungjawaban terhadap keluarga, pembudayaan amalan ihsan dan penerapan suasana harmoni dalam institusi kekeluargaan. Nilai tersebut juga berkait dalam membina akhlak mulia. Nilai ini disokong oleh [Ajmain et al. \(2019\)](#), yang menyatakan

bahawa penerapan akhlak dan jati diri yang mantap dalam diri anak-anak amat penting. Penerapan akhlak yang baik ini bukan sahaja menguntungkan keluarga, bahkan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat sekitar. Kebersamaan yang dapat membentuk keharmonian rumah tangga juga disulami dengan ahli keluarga yang mempunyai hubungan emosi dan rapat antara satu sama lain, saling menyokong dan mengambil berat (Desa et al., 2015). Kebersamaan merupakan salah satu kemahiran keibubapaan yang penting dalam keluarga. Jika kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi tidak diperoleh, maka anak-anak mungkin membesar dengan personaliti yang negatif (Desa et al., 2015). Menurut Amran et al. (2012) menjelaskan bahawa kebersamaan akan membawa kebaikan dalam institusi kekeluargaan kerana saling mengawal dan menjaga antara satu sama lain.

4.2.1. Pembudayaan amalan Ihsan

Ihsan adalah salah satu komponen yang menjadi asas dalam Islam yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia yang terkandung di dalamnya ibadah yang menjadi tujuan hidup manusia. Rasulullah SAW telah menerangkan maksud Ihsan menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, iaitu seseorang menyembah Allah SWT seolah-olah dia melihatNya. Jika dia tidak berupaya untuk melihat Allah SWT, maka sesungguhnya Allah SWT melihat segala amal perbuatannya. Menyembah Allah SWT bererti mengabdikan diri kepadanya dengan ibadah menurut kaedah dan cara yang sebaik-baiknya sama ada pada zahir (perbuatan lahiriah) atau batin iaitu ikhlas pada niat.

Ihsan dalam konteks yang lebih luas membawa pengertian membuat baik kepada diri dan orang lain (Al-Qurtubi, 1964). Ini kerana Allah SWT menyukai hamba-hambaNya yang saling melakukan kebaikan di antara mereka. Berbuat baik akan memberi manfaat kepada diri sendiri, masyarakat dan negara. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Jika kamu berbuat kebaikan, (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan adalah untuk diri kamu; dan jika kamu berbuat kejahanan, maka (kesannya yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga." (Surah al-Isra', 7).

Terdapat banyak kajian terdahulu yang menyatakan bahawa aspek positif kesejahteraan sangat berkait rapat dengan amalan tingkah laku baik (Brethel-Haurwitz & Marsh, 2014; Alden & Trew, 2013; O'Connell, O'Shea, & Gallagher, 2015). Perbuatan baik cenderung mempunyai kesan yang lebih besar terhadap kesejahteraan apabila ianya didorong oleh motivasi yang wujud dalam diri individu itu sendiri (Gebauer, Riketta, Broemer, & Maio, 2008; Weinstein & Ryan, 2010) dan apabila individu memberi peluang kepada diri mereka untuk membina hubungan sosial dengan individu lain (Aknin, Dunn, Sandstrom, & Norton, 2013) termasuklah sesama ahli keluarga. Justeru, pembudayaan nilai Ihsan ini amatlah penting dalam mewujudkan suasana harmoni dalam keluarga yang seterusnya membawa kepada kesejahteraan dalam rumah tangga.

4.2.2. Menyemaikan Budaya Khidmat

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), tanggungjawab merujuk kepada kewajipan yang dipikul oleh individu dan segala yang wajib ditanggung oleh individu tersebut. Aspek tanggungjawab merupakan elemen yang terpenting dalam menyemai budaya khidmat. Manusia adalah makhluk Allah S.W.T yang paling istimewa dan sempurna, jika

dibandingkan dengan makhluk-makhluk ciptaan-Nya yang lain. Hal ini bertepatan seperti Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami ciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian.”
(Surah at-Tin: 4)

Oleh kerana itu, manusia mempunyai peranan dan tanggungjawab yang tertentu yang perlu dilaksanakan di dalam memenuhi matlamat penciptaan mereka itu. Manusia merupakan khalifah di muka bumi ini di mana peranan dan tanggungjawab mereka meliputi tanggungjawab dan peranan yang perlu dilaksanakan terhadap Allah S.W.T, diri sendiri, keluarga, masyarakat, negara dan alam. Keluarga adalah perhubungan yang berdasarkan kerjasama dan perpaduan. Kelahiran seorang anak mengubah dua orang dewasa menjadi bapa dan ibu, dan oleh itu mereka mempunyai tanggungjawab. Sekiranya individu pincang dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab, maka aspek kebajikan rumah tangga akan terabai yang seterusnya membawa kepada isu perceraian. Hal ini dapat dilihat daripada statistik yang dijalankan di negeri Sarawak berkaitan isu rumah tangga yang mendapat antara sebab berlakunya perceraian ialah kekurangan persefahaman, kerjaya, curang, serta tidak bertanggungjawab ([SarawakVoice, 2019](#)).

4.3. Konsep Kesyukuran

Penekanan aspek nilai keharmonian dan kecintaan menjadi elemen penting dalam konsep kesyukuran. Oleh itu, pengayaan nilai dalam konsep kesyukuran ini mewakili aspek beriman, mempraktikkan amalan sihat fizikal dan mental, mengekalkan aspek tradisi dan adat dalam kekeluargaan, penerapan nilai kasih sayang, hormat-menghormati dan taat. Berdasarkan penerapan nilai positif ini dapat menerapkan konsep kesyukuran dalam sesbuah institusi keluarga sekali gus mengukuhkan ikatan kekeluargaan. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa keluarga yang bersatu, saling berkasih sayang, sentiasa bersama dan melengkapinya antara satu sama lain, dan saling menggembirakan antara satu sama lain adalah keluarga yang harmoni ([Ajmain et al., 2019](#)). Bersyukur juga merupakan antara nilai yang dapat membina kekuatan jiwa seseorang lantas membawa kepada kesejahteraan keluarga ([Jamaluddin et al., 2017](#)). Insan yang bersyukur akan mempunyai nilai amanah dan tanggungjawab dalam dirinya terhadap keluarga dan masyarakat sekeliling. Menurut [Jamaluddin et al. \(2017\)](#), bersyukur merupakan salah satu nilai kekeluargaan yang dapat membentuk keperibadian mulia dalam diri seseorang. Bersyukur juga memberikan banyak pengajaran dalam perkembangan, kedewasaan dan kesedaran diri seseorang ([Irfan & Sofwan, 2019](#)). Selain itu, bersyukur mempunyai hubung kait dengan kebahagiaan. Ini kerana, individu yang sentiasa bersyukur adalah individu yang bahagia ([Dyah et al., 2018](#)).

[Kubacka et al. \(2011\)](#) mendapati bahawa rasa syukur berperanan penting dalam memelihara hubungan yang baik antara pasangan. Hubungan dengan pasangan akan menjadi lebih erat dan merasa puas sekiranya mereka bersyukur ([Algoe et al., 2010](#); [Gordon et al., 2011](#)). Oleh itu, rasa syukur dalam hubungan suami isteri dapat melindungi dan mempertahankan institusi perkahwinan ([Barton et al., 2015](#)). Konsep kesyukuran mempunyai dua nilai utama iaitu keharmonian dan kecintaan dalam keluarga.

4.3.1. Keharmonian dalam keluarga

Keluarga yang harmoni adalah keluarga yang bahagia, tertib, disiplin, saling menghargai, tolong menolong dalam rumah tangga, mempunyai pekerjaan yang baik, saling hormat menghormati dengan jiran, taat beribadah, berbakti kepada orang tua, mencintai ilmu pengetahuan dan memanfaatkan waktu dengan perkara yang positif dan mampu menyara keluarga ([Muhammad Aqsho, 2017](#)). Di samping itu, keharmonian dalam berkeluarga dapat mencerminkan bagaimana hubungan ibu bapa dengan anak-anak mereka contohnya, sikap ibu bapa yang suka berjenaka dengan anak-anak dan terbiasa dengan sikap tersebut diakui dapat memberikan kebahagiaan dalam kehidupan berkeluarga. Tambahan pula, berjenaka dan bermesra dengan isteri dan anak-anak adalah salah satu faktor yang menyebabkan suasana gembira dan bahagia di dalam rumah ([Muhammad Shalet, 2014](#)).

Nilai-nilai positif seperti tolong menolong, pemaaf dan sabar akan terhasil sekiranya anak-anak dibesarkan dalam keluarga yang harmoni di mana suasana yang harmoni dalam keluarga dapat membantu anak-anak mencari potensi diri dan minat mereka dengan dorongan ibu bapa ([Muhammad Aqsho, 2017](#)). Oleh itu, seseorang yang hidup dalam keluarga yang harmoni pasti akan mempunyai perasaan syukur di atas nikmat yang dikecapinya.

4.3.2. Kecintaan dalam keluarga

Kecintaan adalah salah satu nilai dalam konsep kesyukuran. Cinta dan kasih sayang sangat penting untuk menjamin kesejahteraan keluarga dan masyarakat. Kini sudah menjadi lumrah bagi pasangan berkahwin atas dasar cinta. Cinta adalah salah satu kriteria penting bagi pasangan memilih untuk berkahwin. Ramai yang percaya bahawa cinta merupakan agen pengukuh perkahwinan dan pembawa kepada kebahagiaan keluarga ([Suzana et al., 2012](#)). Menurut [Bonds Raacke et al. \(2001\)](#) menyatakan bahawa kebanyakan pasangan yang baru berkahwin mengalami pengalaman cinta yang bersifat euphoria (cinta romantis) sebaliknya berubah selepas berkahwin yang mana ramai pasangan mengalami fasa bercinta yang lebih bersifat komitmen (cinta rakan karib). Pasangan berkahwin akan mengalami fasa kemerosotan cinta yang mana boleh wujudnya rasa tidak bahagia dalam perkahwinan yang akhirnya memberi kesan negatif dan menjelaskan kesejahteraan individu.

Oleh itu, pentingnya seseorang individu mempunyai ciri-ciri untuk melahirkan keluarga yang sejahtera antaranya adalah memberi perhatian, tolong menolong, bertolak ansur, mengambil berat dan menjaga kebajikan sesama ahli keluarga ([Azam, 2014](#)). Oleh itu, ciri-ciri ini perlu diterapkan dalam institusi kekeluargaan. Di samping itu, kasih sayang antara suami isteri akan melahirkan rasa ikhlas, hormat menghormati, tolong menolong dan saling melindungi antara satu sama lain sekali gus membentuk rumah tangga yang bahagia serta menguatkan lagi hubungan silaturahim di antara keluarga dan masyarakat luar ([Nur Zahidah & Raihanah, 2011](#)). Sementara itu, suami isteri yang saling melengkapi dan membantu dalam menyelesaikan urusan rumah tangga misalnya mengemas rumah, menjaga anak dan sebagainya secara tidak langsung hubungan mereka menjadi semakin baik dan menguatkan lagi rasa cinta dan kasih sayang antara satu sama lain ([Azizah et al., 2018](#)). Oleh itu, perasaan syukur akan wujud dalam diri seorang suami dan isteri sekiranya hubungan rumah tangga berlandaskan cinta dan kasih sayang.

5. Kesimpulan

Umumnya, dalam setiap perkahwinan akan berlakunya cabaran dan konflik. Namun begitu, konflik yang berlaku hendaklah diurus dengan baik supaya tidak membawa kemudaratan yang berpanjangan kepada kedua pasangan. Pengkajian berhubung pengurusan konflik dalam institusi kekeluargaan ini juga dapat membantu dalam memahami bentuk penyelesaian masalah yang digunakan oleh pasangan. Kemampuan untuk membina strategi daya tindak yang positif hanya boleh dilakukan apabila individu mampu mengawal tekanan emosi, tekanan sosial dan tekanan biologi yang wujud. Di samping itu, lebih banyak kajian harus dilakukan berkaitan konsep keluarga Malaysia dan bagaimana ia memberi kesan kepada kesejahteraan dalam rumah tangga.

Selain kempen keluarga Malaysia yang dibangunkan ini, agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk memperkasakan keluarga seperti Jabatan Agama dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat disarankan untuk merangka pelbagai program bagi menjamin kesejahteraan dan kelangsungan institusi kekeluargaan di Malaysia. Pembinaan modul kesejahteraan keluarga juga harus dipertimbangkan dalam memperkasakan keluarga Malaysia. Sukatan pelajaran yang merangkumi ilmu kekeluargaan juga harus didedahkan agar ilmu kekeluargaan ini dapat dikongsi kepada masyarakat seawal usia pelajar sekolah.

Kewangan (*Funding*)

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas pembiayaan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan kod (FRGS/1/2021/SS0/USIM/02/3) yang bertajuk ‘Model Baharu Pengurusan Krisis Rumahtangga Keluarga B40 dalam Memacu Kesejahteraan Holistik’.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rashid Abdul Aziz. (2020). Wabak Covid-19: Penyesuaian Kendiri terhadap Norma Baharu. Artikel diterbitkan dalam ruangan *In our words (Fi ra'yinaa)* USIM secara digital. Capaian pada 13 Februari 2020 dari <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/wabak-covid-19-penyesuaian-kendiri-terhadap-norma-baharu/>
- Abdullah, S. (2014). Ibn Khaldun's discourse on the importance of knowledge and ethics in youth human capital development. *Journal of Human Development and Communication*, 3. 59-77.
- Abe, S. R., Zuliza, K., & Anwar, F. O. (2014). Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010. *Islammiyyat*, 36(1), 5-20.
- Adam, M. G., Erin, K. H., David, G. S., & Thomas, R. L. (2013). Father Involvement, Father Child Relationship Quality and Satisfaction with Family Work: Actor and Partner Influences on Marital Quality. *Journal of Family Issues*, 35(13), 1847-1867.

- Aini, Z., Don, A.G., Mokhtar, A. I., & Us wah, N. (2019). Dakwah dalam Penyampaian Mesej Islam kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(1), 12-26.
- Ajmain, M. T., Zulkifly, M. N. I., Hussain, M. Z. M., Mohamad, A. E., & Rosli, M. A. (2019). Kaedah dan Ciri Pendidikan dalam Melahirkan Sebuah Keluarga yang Sejahtera. *ResearchGate*.
- Aknin, L. B., Dunn, E. W., Sandstrom, G. M., & Norton, M. I. (2013). Does social connection turn good deeds into good feelings? On the value of putting the 'social' in prosocial spending. *International Journal of Happiness and Development*, 1, 155-171.
- Al-Azharri Siddiq Kamunri. (2021, 24 Ogos). Apa dia 'Keluarga Malaysia'? *Malaysiakini*. Diakses pada 25 Nov 2021 dari <https://www.malaysiakini.com/letters/588404>
- Alden, L. E., & Trew, J. L. (2013). If it makes you happy: Engaging in kind acts increases positive affect in socially anxious individuals. *Emotion*, 13, 64-75. doi:10.1037/a0027761
- Algoe, S. B., Gable, S. L., & Maisel, N. C. (2010). It's the little things: Everyday gratitude as a booster shot for romantic relationships. *Personal relationships*, 17(2), 217-233.
- Al-Qurtubi. (1964). *Tafsir Al-Qurtubi*. Kaherah: Dar Al-Kutub Al-Misriah.
- Amran, H., Fatimah, Y. & Khadijah, A. (2012). The Relationship between Parental Skill and Family Functioning to the Psychological Well-Being of Parents and Children. *International Conference on Humanity, History and Society*, 34.
- Ardiah, J., Zaidah, M., & Rokiah, I. (2009). Pola dan faktor yang mempengaruhi peminuman minuman keras remaja Dusun Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 5(2), 82-101.
- Azam, S. R. (2014). Konsepsi Pendidikan Kasih Sayang dan Kontribusinya terhadap Bangunan Psikologi Pendidikan Islam. *Literasi*, 1(1), 29-52
- Azizah Husmiaty, H., Fal Arovah, W., Zahrotun, N., Amany, L., Baumasita, M., Istibsyaroh, Uthari, Zahraton, N., Maria, A. & Valina, S. S. (2018). Ketahanan Keluarga dalam Perspektif Islam. Jakarta: Pustaka Cendikiawan. 33-34.
- Bammeke, F., & Eshiet, I. (2018). Issues in Marital Conflict and Violence. *Sociological Analysis of Narratives*, 5(1), 1-8.
- Barton, A. W., Futris, T. G., & Nielsen, R. B. (2015). Linking financial distress to marital quality: The intermediary roles of demand/withdraw and spousal gratitude expressions. *Personal Relationships*, 22(3), 536-549.
- Bedi, R.S. (2019). *World happiness index: Malaysia plunges from No 35 to 80 in one year*. The Star. Retrieved from: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/03/21/world-happiness-index-malaysiaplungenes-from-no-35-to-80-in-one-year/>
- Bernama. (2021). Kerajaan keluarga Malaysia cari kebersamaan, kesepakatan- Ismail Sabri. *Bernama*. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2127949>
- Rodgers, B. L. (2000). Concept analysis: An evolutionary view. *Concept Development in Nursing: Foundations, Techniques, and Applications*. 2, 77-102.
- Bonds-Raacke, J.M., Bearden, E.S., Carriere, N.J., Anderson, E.M., & Nicks, S.D. (2001). Engaging distortions: Are we idealizing marriage? *The Journal of Psychology*, 135(2), 179-184.
- Brethel-Haurwitz, K. M., & Marsh, A. A. (2014). Geographical differences in subjective well-being predict extraordinary altruism. *Psychological Science*, 25, 762-771. doi:10.1177/0956797613516148
- Cherni, R. (2013). Strategi Komunikasi Dalam Mengatasi Konflik Rumah Tangga Mengenai Perbedaan Tingkat Penghasilan Di Rt.29 Samarinda Seberang. *EJournal Ilmu Komunikasi*, 1(1), 212-227.

- Desa, A., Yussoff, F., Zamani, A., Kadir, N. B. A., & Sani, M. N. M. (2015). Kemahiran keibubapaan, kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan ibubapa. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 29(2), 32-42.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1985). *Istilah sosiologi pengajian tinggi: Bahasa Inggeris - Bahasa Malaysia, Bahasa Malaysia - Bahasa Inggeris*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2016). *Buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Sejahtera*. Capaian 12 Disember, 2021. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sejahtera>
- Dildar, S., Silwat, A., & Yasin, S. (2013). Intimate Enemies: Marital Conflicts and Conflict Resolution Styles in Dissatisfied Married Couples. *Middle East Journal of Scientific Research*, 15(10), 1433-1439.
- Dyah, P., Sofia, N. K., & Swarinda, T. (2018). Efek Syukur Pembawa Kebahagiaan Pada Novel Keluarga. *Alayasherteria*, 14(2), 93-100.
- Dwi Runjani Juwita. (2017). 'Konsep *Sakinah, Mawaddah Warrahmah* Menurut Islam,' *An-Nuha*, 4(2), 218.
- Fadillah Ismail. (2016). Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga. Prosiding, *Seminar Perkem ke-11, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia Johor*, 394-399
- Faezah, N. M., Raihanah, A. & Bahiyah, A. (2020). Sakinah, Mawaddah, dan Rahmah dalam Perhubungan Suami Isteri: Analisis Literatur. *Jurnal Syariah*, 28(1) 81-104.
- Falah, A. (2018). Konsep pendidikan anak menurut Ibnu Khaldun (Studi Atas Kitab Muqaddimah). *ThufuLA Jurnal Inovasi Pendidikan Guru Raudhatul Athfal*, 83-110.
- Gebauer, J. E., Riketta, M., Broemer, P., & Maio, G. R. (2008). Pleasure and pressure based prosocial motivation: Divergent relations to subjective well-being. *Journal of Research in Personality*, 42, 399–420. doi:10.1016/j.jrp.2007.07.002
- Gordon, C. L., Arnette, R. A., & Smith, R. E. (2011). Have you thanked your spouse today?: Felt and expressed gratitude among married couples. *Personality and Individual Differences*, 50(3), 339–343.
- Griffin, E. (2012). *A First Look at Communication Theory*. Eighth Edition. New York: McGrawHill.
- Habibie, I., Mazni, M., Joki, P., Puteri, H. M.A., & Hudani, N. M. N. (2018). Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja. *Asian Social Work Journal (ASWJ)*, 3(5), 18-24.
- Hafizah, N., Hassan, N. A., Harun, A. S. A., Nayan, L. M., Ahmad, R., & Rosli, M. M. (2017). Conflict Management Among Malay Married Couples: An Analysis on Their Strategies & Tactics. *Asian Social Science*, 13(10), 95. doi:10.5539/ass.v13n10p95
- Hairi, A., & Raihanah A. (2014). Pengukuran Institusi Keluarga Melalui Kawalan Terhadap Perceraian: Analisis Literatu. *Jurnal Fiqh*, 14, 175-194.
- Haliza, A. S. (2012). Krisis Rumah Tangga: Punca-Punca Dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah Dan Undang-Undang*, 4(8), 67–86.
- Hariyati, A. (2013). Strategi Pujuk Rayu dalam Perkahwinan: Tanggapan dan Pengalaman Lelaki Melayu dalam Konteks Komunikasi Interpersonal. *Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK)*, 107-118.
- Hasim, M. J. M., Mustafa, H., & Hashim, N.H. (2015). Exploring New Patterns of Interaction During Conflict among Married Individuals in Malaysia. *Second International Conference On Media Communication and Culture*, 1-11.
- Hashim, S. N. A. & Mohamed Saniff, S. (2019). Kesejahteraan mental: Membudayakan integriti dalam institusi keluarga. *IDMAC*, 75-81.

- Irfan Dwi Prastyo, & Much Sofwan Zarkasi. (2019). Wujud Rasa Syukur Sebagai Keluarga Petani dalam Visual Karya Seni Grafis. *Brikolase Jurnal Kajian Teori Praktik dan Wacana Seni Budaya Rupa*, 11(1), 52-69.
- Jamaluddin, R., Bakar, A. R., & Sulaiman, S. S. (2017). Penerapan Nilai Kekeluargaan: Adakah Ianya Penting? *Sains Humanika*, 9(1-5), 87-92.
- Jamiah Manap, Suzana Mohd Hoesni & Mohammad Rezal Hamzah. (2018). Family Communication Amongst Conventional Malay Man dlm. *Malaysian Journal of Communication*, 34(1) 2018, 238-252.
- Jasmi, K.A., Muhammad, A., & Mohamed, A. K. (2006). *Asas Kebahagiaan Rumahtangga Mengikut Paradigma Al- Nawawi*. Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Kerr, M. E. (1981). *Family systems theory and therapy*. Dalam A. S. Gurman & D. P. Kniskern (Eds.), *Handbook of family therapy*. New York: Brunner/Mazel.
- Khairul Anuwar Mustaffa (2022). Aspirasi Keluarga Malaysia Suatu Perkongsian. *Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*. Dicapai pada 2 Januari 2023 daripada islam.gov.my/ms/e-penerbitan/3422-aspirasi-keluarga-malaysia-suatu-perkongsian
- Kubacka, K. E., Finkenauer, C., Rusbult, C. E., & Keijsers, L. (2011). Maintaining close relationships: Gratitude as a motivator and a detector of maintenance behavior. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 37(10), 1362-1375.
- Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (2019). *Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN)*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kuala Lumpur.
- Ledermann, T., Bodenmann, G., Rudaz, M., & Bradbury, T.N. (2010). Stress, Communication and Marital Quality in Couples, *Family Relations*, 59(2), 195-206.
- Luthfi, M. (2017). Komunikasi Interpersonal Suami dan Isteri dalam Mencegah Perceraian di Ponorogo. *ETTISAL Journal of Communication*, 2(1), 51-61.
- Macionis, J. (1999). *Society: The Basics* (5th ed.). Pearson Education.
- Minuchin, S. (1974). *Families and family therapy*. Cambridge, MA. Harvard University Press.
- Mohamad, R.E., Baharuddin, E., Razali, N., & Jaafar, N.A. (2021). Punca Perceraian Pasangan Dewasa Islam: Perspektif Badan Pelaksana. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 26(2), 368-380.
- Muhammad Aqsho. (2017). Keharmonisan dalam Keluarga dan Pengaruhnya terhadap Pengamalan Agama. *Almuafida*, 1(1), 36-51.
- Muhammad Shalet Al-Munajjid. (2014). *40 Tips Keluarga Bahagia*. Jakarta: Gema Insani.
- Nadiyah, M. D., Mohd Norhusairi, M. H., & Mohd Hafiz J. (2021). Keganasan Rumahtangga di Malaysia: Satu Analisis Literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 6(2), 273-296.
- Nanum Sofia, & Endah Puspita Sari. (2018). Indikator Kebahagiaan (Al-Sa'adah) dalam Perspektif Alquran dan Hadis. *Psikologika: Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi*, 23(2), 91-108.
- Nezlek, J. B., & Humphrey, A. (2021). Individualism, collectivism, and well-being among a sample of emerging adults in the United States. *Emerging Adulthood*, 21676968211054596.
- Noriza Hassan (2020). Membudayakan integriti dalam kehidupan. *UMP News*. <https://news.ump.edu.my/experts/membudayakan-integriti-dalam-kehidupan>
- Noor Syabah, S., Norazilah, J., Norhasima, A., & Syazwana, A. (2016). Perceraian dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHIL): Eksplorasi Faktor. *Jurnal Sains Sosial*, 1, 36-52.
- Nur Anis & Nurbazla. (2019). Pelaksanaan Undang Di Mahkamah Syariah Melibatkan Orang Ketiga Dalam Rumahtangga. *Journal of Advanced Research in Social and*

- Behavioural Sciences* 16(1), 15-24. Diakses dari www.akademiarbaru.com/arsbs.html
- Nurazlina, M.K., Raja Masitah, R. A., & Jama'yah, Z. (2017). Gaya Pengurusan Konflik dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan dalam Novel Saga. *Akademika*, 87(2), 77-87.
- Nurhamizah, H., & Asbah Razali. (2019). Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibu Bapa dan Anak-Anak. *Jurnal Komunikasi*, 35(4), 337-354.
- Nurul Naimah Rose, & Mohd Yusri Mustafa. (2018). Tekanan dalam kalangan Wanita Bekerja: Khidmat Bantu Kaunseling Menggunakan Konsep Teori Tekanan Lazarus dan Praktis Terapi Berfokus Solusi. *Asian Social Work Journal*, 3(1), 28 - 34.
- Nurfadhilah Yahya. (2014). Kesan Emosi yang Dihadapi oleh Wanita yang Bercerai Akibat Keganasan Rumah Tangga: Satu Kajian di Negeri Johor. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Sains Sosial Malaysia*, 1, 36-52.
- Nur Zahidah, J. & Raihanah, A. (2011). Model Keluarga Bahagia menurut Islam. *Jurnal Fiqh*, 8, 25-44.
- O'Connell, B. H., O'Shea, D., & Gallagher, S. (2015). Enhancing social relationships through positive psychology activities: A randomised controlled trial. *The Journal of Positive Psychology*, 11. 1-14.
- Rahim, M. A. (1983). A measure of styles of handling interpersonal conflict. *Academy of Management Journal*, 26(2) 368-376. <https://www.jstor.org/stable/255985>
- Rahmat, H. S. (2006). Cabaran Keluarga dalam Masyarakat Moden. *Pemikir*, 44, 83-90.
- Rashidi, M. N. (2014). Pelaksanaan Analisis Kandungan Sebagai Metodologi Kajian bagi Mengenalpasti Kriteria Pembinaan Lestari (Implementation of Content Analysis as Research Methodology for Identifying Criteria for Sustainable Construction). *Journal of Advanced Research Design*, 18-27.
- Ries, S.K. (2005). *Family communication patterns and conflict management style in dating relationships : An emperical study*. [Unpublished master's thesis, California State University, Fullerton].
- Roslelawati, A., & Nordin, H. (2014). Perkahwinan dan Penceraian Masyarakat Melayu Terengganu 1950-1970 an. *Kajian Malaysia*, 32(1), 81-117.
- Rozmi, I., Nor Azri, A., Fauziah, I., & Salina, N. (2017). Pengaruh Faktor Individu, Keluarga dan Persekutaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja. *Akademika*, 87(1), 7-16.
- Rudi, A. S. & Sumiyati (2021). *Pendidikan agama Islam dan budi pekerti*. Jakarta: Pusat Kurikulum dan Perbukuan.
- Rumaya, J, Hanina, H, H., & Sa'odah, A. (2013). Dinamik Perkahwinan dan Keluarga. Dalam
- Salmah, M. Y. (2006). *Personaliti Dan Gaya Pengurusan Konflik Dalam Kalangan Pelbagai Kumpulan Etnik di Sarawak*. (Master tesis). Universiti Putra Malaysia.
- Saodah, A. (2002). Keluarga dan Pekerjaan. Dalam Jayalethchumi, M., Rohani, A. & Abdullah, A, M. *Keluarga dan Keibubapaan*. 155-163. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sharmani, Y. & Minggal, M.T. (2011). *Teori kaunseling al-Ghazalli mengenai ilmu, sejarah dan kandungan al-Quran*. Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn. Bhd
- Sidek Baba. (2017). *Akidah Islam sifatnya merentasi*. Utusan Online. Diakses daripada pautan <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/akidah-islam-sifatnya-merentasi-1.527968>
- Siti Chadijah. (2018). Karakteristik Keluarga Sakinah dalam Islam. *Jurnal Rausyan Fikr*, 14(1), 113-128.
- SarawakVoice. (2019, Ogos 12). 51,642 pasangan bercerai, curang dan masalah kewangan antara punca. *SarawakVoice*.

- <https://sarawakvoice.com/2019/08/12/51642-pasangan-bercerai-curang-dan-masalah-kewangan-antara-punca/>
- Suhaila Abdullah. (2022). Keselarasan Teori Ketemadunan Ibn Khaldun Dengan Konsep Keluarga Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 154-167.
- Surena, S. (2012). *Sokongan Organisasi dan Konflik Kerja-Famili terhadap Pengayaan Kerja-Famili dalam Kalangan Wanita Profesional di Sarawak*. Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.
- Suzana, M. H., Mohd Suhaimi, M., & Sarah, W. M. H. (2012). Meneroka Konsep Cinta dalam Perkahwinan dalam Kalangan Melayu Bandar yang akan Berkahwin. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 76-83.
- Syahran Jailani, M. (2014). Teori Pendidikan Keluarga Dan Tanggungjawab Orang Tua Dalam Pendidikan Anak Usia Dini dlm. *Nadwa: Jurnal Pendidikan Islam*, 8(2), 245-260.
- Tarmujianto (2020). Peranan pendidikan akhlak dalam menciptakan keluarga bahagia. *Jurnal Pendidikan Luar Sekolah*, 14(2), 55.
- Wan Ahmad, W. I., Redzuan, M., Emby, Z., & Hamid, A. H. (2009). Kesejahteraan subjektif warga tua di Malaysia: Kes warga tua desa Kelantan. *International Journal of Management Studies*, 16(2), 63-96.
- Weinstein, N., & Ryan, R. M. (2010). When helping helps: Autonomous motivation for prosocial behavior and its influence on well-being for the helper and recipient. *Journal of Personality and Social Psychology*, 98, 222-244. doi:10.1037/a0016984
- Yaribeygi, H., Panahi, Y., Sahraei, H., Johnston, T., & Sahebkar, A. (2017). The impact of stress. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 10(1), 64-79.
- Yong, H. H., Hasnita, K.K.S., Zatul, H. A., Mohd Daud, A., & Adlina A. H. (2018). Peranan Guru sebagai Agen Sosialisasi dalam Membentuk Perpaduan Kaum di Sekolah. *Akademika*, 88(2), 95-108.
- Yu D., Anser M.K., Peng M.Y.P., Nassani A.A., Askar S.E., Zaman K., Aziz A.R.A., Abro M.M.Q., Sasmoko, Jabor M.K. (2021). Nationwide lockdown, population density, and financial distress brings inadequacy to manage COVID-19: Leading the services sector into the trajectory of global depression. *Healthcare*, 9(2), 220.
- Zaiton Mustafa & Mohd Roslan Mohd Nor. (2019). Peranan Keluarga Muslim Dalam Membina Masyarakat Sejahtera: Satu Sorotan Awal Terhadap Pemikiran Kekeluargaan Ibn Sina (980M-1037M). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 20(3), 89-96.
- Zanariah, D., Azizah, M. R., Hammad, D., Zaini, Y. M.J., & Nur Zulfah, M. A. S. (Eds.). (2018). *Proceedings of the 4th International Conference On Islamiyyat Studies*. <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/images/eproceeding/2018/1039-irsyad-2018.pdf>